

09/07/2003

Hala tuju Musa mampu cemerlangkan Sabah

Lichong Angkui

PELBAGAI pihak termasuk pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) memberi markah tinggi pada kad laporan 100 hari Datuk Musa Aman sebagai Ketua Menteri, Jumaat lalu.

Perhitungan awal itu diberikan dengan mengambil kira prestasi pentadbiran serta agenda masa depan yang digariskannya sejak mengambil alih teraju kepemimpinan negeri pada 27 Mac lalu.

Rata-rata menyatakan rasa optimis pada kepemimpinan Musa selaku Ketua Eksekutif Negeri Sabah yang mempunyai cara dan stail tersendiri. Mereka menyifatkan hala tuju yang dijadikannya sebagai landasan mengemudi pentadbiran adalah petunjuk jelas dan manifestasi kesungguhannya untuk membawa perubahan kepada negeri ini.

Tinjauan pendapat umum beberapa media tempatan menunjukkan harapan tinggi rakyat agar Musa mampu membawa dimensi baru kepada Sabah yang dibelenggu pelbagai kemelut ekonomi, masalah sosial dan polemik politik berpanjangan sebelum ini.

Bagi mereka, Sabah bakal melakar sejarah dengan imej baru sekiranya inti

pati agenda pembangunan holistik yang dikenali 'hala tuju pembangunan dan

kemajuan negeri Sabah' itu benar-benar dapat direalisasikan, khususnya berkaitan soal ekonomi negeri.

Selain meneruskan usaha positif kerajaan negeri sebelum ini, hala tuju itu antara lain memberi tumpuan dan penekanan kepada pembangunan ekonomi, sosial dan politik.

Secara ringkas, pembangunan ekonomi menumpukan perhatian kepada sektor pertanian, pelancongan dan pembuatan dengan matlamat utama menggerakkan pembangunan ekonomi negeri. Sementara, pembangunan sosial menjurus kepada

pembelaan nasib rakyat termiskin dan penduduk di luar bandar dengan tujuan

mengurangkan kadar kemiskinan yang masih tinggi.

Agenda politik pula memberi keutamaan supaya BN mampu memenangi pilihan

raya negeri yang akan datang. Justeru, Musa memberi penekanan pentingnya Umno memainkan peranan sebagai tunjang kekuatan dan keutuhan sejajar statusnya sebagai tonggak kerajaan negeri.

Parti Bersatu Sabah (PBS), parti komponen BN Sabah kedua terbesar selepas Umno, menyifatkan hala tuju itu bukti kesungguhan Musa membawa perubahan kepada negeri ini. Justeru, ia wajar diberikan sokongan padu demi mencapai matlamat sebenar pembangunan negeri.

Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan yang mengulas mengenai prestasi Musa sepanjang 100 hari pertama berpendapat hala tuju yang digariskan cukup jelas dan mempunyai arah yang begitu jelas.

Sehubungan itu, beliau yang juga 'Huguan Siou' (pemimpin agung masyarakat Kadazandusun) berjanji partinya akan menghulurkan sokongan kuat

dan padu kepada kerajaan pimpinan Musa supaya program yang baik untuk

rakyat itu dapat dilaksanakan.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, pula memuji Musa kerana menggariskan hala tuju yang begitu pragmatik untuk dijadikan pedoman mengemudi pentadbiran negeri.

Baginya, hala tuju itu selaras dengan manifesto BN untuk membangunkan negeri ini dalam semua aspek. Beliau yakin, inti patinya juga menjadi asas

penyediaan manifesto dalam pilihan raya negeri akan datang.

Pengerusi Perhubungan MIC Sabah, V Jothi, pula menyamakan hala tuju pembangunan Musa itu dengan Wawasan 2020 yang digariskan Perdana Menteri,

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Cuma yang berbeza mungkin skopnya iaitu untuk negeri dan negara.

Secara

keseluruhan, matlamatnya jelas dan berpandangan jauh.

"Sepanjang 100 hari pertama, Musa mempamerkan semangat tinggi serta kualiti sebagai pemimpin BN yang mempunyai kesungguhan politik untuk membangunkan Sabah," kata Jothi, sambil mengimbas latar belakang Musa sebagai tokoh korporat sebelum menceburi politik.

Penganalisis politik berpendapat, Musa tidak akan berdepan masalah besar

untuk melaksanakan hala tuju berkenaan berikutan suasana dan senario politik Sabah yang kian stabil dan kukuh sekarang.

Ini penting kerana kesungguhan politik menjadi faktor penentu kejayaan terhadap apa saja agenda yang dirancang.

"Namun, jika ia dapat dilaksanakan, pasti mampu menjadikan hari ini lebih baik daripada semalam dan hari esok lebih baik daripada hari ini," katanya.

Justeru, adalah penting kandungan hala tuju itu dijadikan teras dalam penyediaan manifesto BN Sabah yang dianggotai oleh Umno selaku tulang belakang serta PBS, Parti Liberal Demokratik, Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Bersatu, Parti Maju Sabah, Parti Bersatu Rakyat Sabah, Gerakan, MCA dan MIC.

Usaha ke arah itu wajar dimulakan sekarang kerana pilihan raya negeri perlu diadakan sebelum Mac tahun depan, iaitu hanya kira-kira lapan bulan

dari sekarang.

Dengan memasukkannya dalam manifesto pilihan raya dapat memberi keyakinan mutlak kepada rakyat, selaku pengundi, terhadap komitmen pimpinan negeri menunaikan segala apa yang dijanjikan.

Langkah itu, sekali gus akan mematikan hujah pembangkang yang mungkin memanipulasi hala tuju itu sebagai cakap-cakap politik saja atau omongan kosong belaka.

Persediaan menangkis serangan pembangkang tidak boleh dipandang ringan sekalipun dalam suasana sifar pembangkang sekarang. Ini kerana sikap leka

dan sambil lewa boleh memungkinkan parti pemerintah kecundang.

Cabaran terpenting bagi BN Sabah ialah menentukan sikap 'yakin menang' tidak menjadi sindrom baru di kalangan penyokong dan ahli parti sehingga memandang remeh soal pilihan raya. Sokongan penyokong menjadi simbol kekuatan sesebuah parti atau institusi politik.